



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **SIARAN MEDIA**

### **KPWKM KOMITED PERKASAKAN SETIAP KUMPULAN SASAR**

**KUCHING, 25 Mac** – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) merasmikan kursus bimbingan perniagaan bagi program MyKasih Kapital yang merupakan sebuah inisiatif di bawah **Program Wanita Bangkit@KWPKM**. Program yang disertai **350 orang peserta** wanita itu merupakan usaha kementerian dalam membantu golongan wanita terutamanya yang hilang punca pendapatan, pencari nafkah utama dan ibu tunggal.

Objektif kementerian menerusi inisiatif MyKasih Kapital adalah untuk memperkasa ekonomi kumpulan sasaran dan meningkatkan taraf hidup golongan wanita yang memerlukan bantuan segera kewangan melalui bantuan MyKasih Kapital. Pendekatan ini adalah untuk mengoptimum potensi individu berdasarkan kemahiran agar dapat menjana pendapatan melalui perniagaan yang mereka ceburi.

Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM telah membimbing dan membangunkan seramai **18,600 wanita** melalui kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi strategik pelbagai Jabatan, agensi dan syarikat korporat. Jelajah lawatan kerja YB Menteri diteruskan hari ini dengan seramai **3,830 orang** peserta telah menghadiri kursus Program Wanita Bangkit@KPWKM sejak beliau menerajui KPWKM.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri juga hadir ke **Majlis Rahmah Ramadan** bersama penghuni **Desa Bina Diri (DBD) Kuching**. Desa Bina Diri (DBD) ditubuhkan untuk memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada pengemis dan orang papa bagi melahirkan individu yang produktif dan berkemahiran ke arah perubahan sikap yang positif untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat. Terdapat 5 buah DBD dan 1 Pusat Sehati Bina Diri yang diselia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

JKM memainkan peranan dalam penempatan kes orang papa yang diambil dengan menghantar ke institusi JKM untuk diberikan perlindungan serta pemulihan melalui pelbagai program dan aktiviti bagi membantu orang papa ini untuk kembali ke dalam masyarakat seterusnya mampu berdikari.

Bagi mengekang aktiviti pengemisan ini dari terus berleluasa, JKM menyeru orang awam untuk tidak memberi wang kepada pengemis, memastikan surat yang ditunjukkan oleh individu /pertubuhan untuk membuat kutipan derma mendapat kebenaran pihak berkuasa dan membuat aduan kepada JKM berhampiran atau melalui panggilan ke Talian Kasih 15999 atau *whatsapp* 019261599 sekiranya terdapat aktiviti pengemisan.

Kementerian komited untuk terus memartabatkan setiap kumpulan sasar KPWK. Kerajaan yakin dengan adanya pelbagai inisiatif ini, golongan yang terjejas dan memerlukan dapat dibantu selaras dengan prinsip Malaysia Madani iaitu keseimbangan dan kemajuan mutu kehidupan rakyat Malaysia.

\*\*\*

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**25 Mac 2023**

## **NOTA TAMBAHAN MYKASIH KAPITAL**

1. Aspek bimbingan dan kaunseling juga *psychoeducation* menjadi fokus utama Program Wanita Bangkit@KPWKM bagi tahun 2023 yang mana wanita-wanita yang ingin dibantu akan diberi pendedahan untuk memantapkan diri dengan mengenali potensi diri oleh Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS). Melalui perkongsian potensi diri para peserta dapat meningkatkan jati diri wanita dan memberi kesedaran serta penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi mampu membangkitkan daya tahan untuk memulakan kehidupan yang baru akibat hilang punca pendapatan kesan pandemik COVID-19, penceraian, penderaan dari segi fizikal atau emosi dan peningkatan kos sara hidup.
2. PERKESO sebagai Rakan Strategik Yayasan Kebajikan Negara (YKN) memberikan taklimat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan Skim Keselamatan Perkerjaan Sendiri (SKPS) kepada para peserta ada di antaranya dalam kalangan suri rumah. Skim perkhidmatan ini memberi perlindungan daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga di samping menjana pendapatan keluarga.

## **NOTA TAMBAHAN DESA BINA DIRI**

1. Terdapat lima (5) buah DBD di bawah JKM iaitu DBD Mersing, Johor, DBD Jerantut, Pahang, DBD Kota Kinabalu, Sabah, Pusat Sehentil Bina Diri Sungai Buloh, Selangor dan DBD yang kita berada sekarang ini, di Kuching, Sarawak. Walau bagaimanapun, untuk melayakkan seseorang itu masuk ke DBD ini, syaratnya mereka perlulah ;
  - Warganegara Malaysia
  - Berumur 18 hingga 59 tahun
  - Tiada keluarga
  - Tiada pendapatan
  - Tidak menghidap penyakit berjangkit
2. Kaedah Kemasukan ke DBD adalah **secara Sukarela**, iaitu permohonan kemasukan diproses mengikut kaedah-kaedah (Rumah Kebajikan) Orang-Orang Papa 1981 dan **atas Perintah Mahkamah** mengikut Peruntukan Akta Orang-Orang Papa 1977.

3. Di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183] “Seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga mengadakan kacau ganggu atau seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam sama ada atau tidak ia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan”.
  
4. JKM memainkan peranan dalam penempatan kes orang papa yang diambil dengan menghantar ke institusi JKM untuk diberikan perlindungan serta pemulihan melalui pelbagai program dan aktiviti bagi membantu orang papa ini untuk kembali ke dalam masyarakat seterusnya mampu berdikari.